

Kertas 1

7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

1. Apakah matlamat penubuhan Independence of Malayan Party (IMP) selepas tahun 1949?
(BT m.s. 173) (TP2) (ARAS: R)
A Memupuk perpaduan kaum
B Memajukan ekonomi negara
C Mempertahankan ketuanan Melayu
D Mempercepatkan proses kemerdekaan
2. Parti politik berikut ditubuhkan sebelum kemerdekaan negara ini. (BT m.s. 173) (TP3) (ARAS: S)

Parti politik	Pengasas
Malayan Chinese Association (MCA)	Tan Cheng Lock
Malayan Indian Congress (MIC)	John Thivy

Apakah matlamat yang didokong oleh pemimpin parti tersebut?

- A Mewujudkan pentadbiran berasaskan kaum
- B Memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing
- C Memastikan golongan bukan Melayu diberi hak yang sama
- D Bekerjasama dengan semua kaum menuntut kemerdekaan

7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

3. Kerajaan British telah mengemukakan prasyarat penting yang mesti dipatuhi sebelum memberikan kemerdekaan kepada negara kita. (BT m.s. 174)
Apakah prasyarat tersebut? (TP2) (ARAS: R)
A Kerjasama kaum C Kemajuan ekonomi
B Kestabilan politik D Pembangunan sosial
4. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dianggotai oleh pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum. (Buku Teks: m.s. 174-175) (TP2) (ARAS: R)
Apakah tugas jawatankuasa tersebut?
A Mengukuhkan ekonomi negara
B Meningkatkan kesedaran politik
C Mewujudkan persefahaman kaum
D Menyeragamkan sistem pendidikan
5. Apakah sumbangan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ke arah perpaduan?
(BT m.s. 177) (TP4) (ARAS: S)
A Persetujuan mewujudkan satu parti politik bagi semua kaum
B Persetujuan UMNO membuka keahlian kepada orang bukan Melayu
C Persetujuan pemimpin Melayu melonggarkan syarat kewarganegaraan
D Persetujuan terhadap hak dan kedudukan yang sama bagi semua kaum

7.3 Sistem Ahli

6. Sistem Ahli dibentuk bagi memenuhi dasar dekolonisasi British. (BT m.s. 178) (TP2) (ARAS: S) (KION 8PM 2021)
Bagaimanakah British melaksanakan dasar tersebut?
A Mewujudkan badan yang dianggotai oleh semua kaum
B Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran negara
C Menyediakan pekerjaan dalam bidang pentadbiran
D Memberi peluang kepada pemimpin tempatan mengetuai pentadbiran negara
7. Senarai berikut menunjukkan sebahagian anggota Sistem Ahli. (BT m.s. 179) (TP4) (ARAS: S)

- Dato' Onn Jaafar
- E.E.C. Thuraisingham
- H.S. Lee

Siapakah yang melantik ahli-ahli tersebut?

- A Gabenor British
- B Raja-raja Melayu
- C Tokoh masyarakat
- D Pesuruhjaya Tinggi British

7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan

8. Senarai berikut menunjukkan sistem persekolahan yang wujud sebelum merdeka. (BT m.s. 180) (TP4) (ARAS: T)

- Sekolah Melayu
- Sekolah Tamil
- Sekolah Cina
- Sekolah Agama

Apakah kesan sistem tersebut kepada negara?

- A Masalah kekurangan guru
 - B Perpaduan kaum sukar dicapai
 - C Peluang pekerjaan berkurangan
 - D Masalah buta huruf berkurangan
9. Apakah objektif Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956? (BT m.s. 183) (TP4) (ARAS: S) (KION 8PM 2021)
I Membina lebih banyak pusat bahasa
II Sistem persekolahan yang sama bagi semua kaum
III Kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan
IV Mewajibkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

7.5 Penubuhan Parti Politik

10. Konvensyen berikut diadakan pada bulan Ogos 1954.

Peristiwa	Penganjur
Konvensyen Kebangsaan	UMNO – pimpinan Tunku Abdul Rahman MCA – pimpinan Tan Cheng Lock

Apakah isu yang diketengahkan dalam konvensyen tersebut? (BT m.s. 187) (TP4) (ARAS: S)

- A Penubuhan parti politik baharu
- B Persetujuan terhadap syarat pilihan raya
- C Bantahan terhadap Perlembagaan Rakyat
- D Mendesak British mengadakan pilihan raya